

# Orde Baharu Dunia utamakan perundingan

> Permusuhan  
atas dasar  
sejarah lampau  
pemikiran kuno



**Veena  
Rusli**  
veena@bh.com.my

Tokyo, Jepun

**T**un Dr Mahathir Mohamad berkata, prasyarat utama ke arah menzahirkan Orde Baharu Dunia ialah memastikan semua konflik mesti diselesaikan di meja rundingan.


Perdana Menteri berkata, hasilnya tidak mungkin memuaskan hati semua pihak, namun perlu ada kesediaan melepaskan sesuatu dalam usaha mencapai titik penyelesaian bersama.

Menyifatkannya cara masyarakat bertamadun, beliau berkata, langkah melancarkan peperangan dan saling membunuh serta memusnahkan tidak jauh bezanya dengan kaedah hidup primitif.

“Jika ada pihak yang berkeras tidak mahu langsung berkorban dan hanya ingin mengikut kemahuan sendiri, tiada apa dapat diselesaikan.

“Kalau kita tidak boleh memutuskan bentuk pengorbanan itu, rujuklah ke muka pengadilan supaya mahkamah dapat ditentukan,” katanya.

Beliau berkata demikian ke-



**Tun Dr Mahathir menyampaikan ucapatama** pada Persidangan Antarabangsa Masa Depan Asia (Persidangan Nikkei) 2019 di Tokyo, semalam.

tika menyampaikan ucapatama pada Persidangan Antarabangsa Masa Depan Asia (Persidangan Nikkei) 2019 di Hotel Imperial di sini, semalam.

Menjadi pemimpin pertama berucap pada edisi ke-25 persidangan tahunan bertemakan ‘Mencari Aturan Global Baharu - Menghindari Pergolakan’ itu, Dr Mahathir berkata, konflik antara Amerika Syarikat (AS) dan China menjejaskan seluruh dunia, termasuk negara yang bukan sebahagian daripadanya.

“Dua kuasa besar saling bercakaran ini ibarat dua gajah bertarung, rumput habis rosak dipijak.

“Ini yang berlaku, sekali gus jelas menunjukkan orde lama dunia gagal dan kita memerlukan orde baharu,” katanya di hadapan kira-kira 300 peserta.

## Permusuhan berlarutan

Perdana Menteri mengingatkan semua pihak, permusuhan berlarutan atas dasar sejarah lampau adalah pemikiran kuno yang mencetuskan lebih banyak pertikaian, seperti konflik yang membebani Jepun dan China serta Jepun bersama Korea.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, konfrontasi tidak akan mengakhiri krisis dengan China kerana kapal perang negara Tembok Besar itu boleh membuatkan rantau Asia kehilangan segala-galanya.

Pada masa sama, katanya, forum dalam kalangan pemimpin dunia wajar diadakan manakala Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) perlu fokus dalam menentukan bagaimana untuk menyelesaikan

konflik dengan aman.

“Ketika ini, PBB tidak dipedulikan oleh negara kuasa besar. Mereka buat apa saja tanpa menghiraukan undang-undang antarabangsa dan itu sebabnya selalu ada konfrontasi.

“Dunia akan lebih stabil jika konflik diselesaikan di meja rundingan, timbang tara atau mahkamah.

“Contohnya ASEAN. Ketika Malaysia merdeka, berlaku konfrontasi serius. Malaysia dan Indonesia saling membuat tuntutan, begitu juga Malaysia-Singapura dan Malaysia-Filipina.

“Kami memilih untuk bekerjasama dan hasilnya, rantau Asia Tenggara sangat stabil dan aman tanpa konfrontasi atau perang, sekali gus membolehkan ekonomi kami berkembang,” katanya.

BERNAMA